

## **Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak**

### *Exploration of Mosque Monetary Fund in Perak*

Mohd Yahya Mohd Hussin ([yahya@fpe.upsi.edu.my](mailto:yahya@fpe.upsi.edu.my))  
Fidlizan Muhammad ([fidlizan@fpe.upsi.edu.my](mailto:fidlizan@fpe.upsi.edu.my))  
Azila Abdul Razak ([azila@fpe.upsi.edu.my](mailto:azila@fpe.upsi.edu.my))  
Nurul Fadly Habidin ([fadly@fpe.upsi.edu.my](mailto:fadly@fpe.upsi.edu.my))  
Syed Ismail Syed Mohamad ([syed.ismail@fpe.upsi.edu.my](mailto:syed.ismail@fpe.upsi.edu.my))  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

### **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan bagi mengeksplorasi kedudukan dana kewangan institusi masjid di seluruh negeri Perak. Maklumat berkaitan dana kewangan masjid ini adalah penting untuk diselidiki memandangkan ia merupakan sebuah institusi yang bertanggungjawab dalam mengembangkan syiar Islam kepada masyarakat. Bersumberkan sumbangan atau derma daripada pelbagai pihak, institusi masjid diyakini mampu untuk melaksanakan tanggungjawab dan amanah ini. Kajian ini dilakukan terhadap 617 buah masjid dan hanya 331 buah masjid di negeri Perak yang memberi maklum balas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa institusi masjid di negeri Perak mempunyai dana kewangan yang agak baik dari segi simpanan tunai dan juga aset-aset yang dimiliki. Simpanan tunai di bank sehingga bulan November 2011 berjumlah RM7.8 juta, manakala aset tanah pula berjumlah melebihi 1,000 ekar. Dapatan kajian juga mendapati, sejumlah 240 ekar tanah di seluruh negeri Perak yang dimiliki oleh institusi masjid tidak diuruskan dalam aktiviti-aktiviti yang dapat memberi nilai tambah pendapatan kepada masjid. Keadaan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa institusi masjid perlu lebih aktif dan progresif dalam memberikan kesan limpahan yang lebih besar kepada masyarakat Islam dan menyumbang kepada pembangunan negeri Perak amnya.

KataKunci: Institusi Masjid, Dana Masjid, Negeri Perak

### **ABSTRACT**

*This study is conducted to explore the financial fund condition of mosque institution throughout the state of Perak. Information related to the mosque financial fund is vital to be studied on as it is an institution responsible for development of Islam in the society. With resources from contributions and donations from various parties, the mosque institution is believed to be able to carry out this trusted duty and responsibility. For the purpose of this study, questionnaires were administrated to all 617 mosques in perak. Of this total, however 331 responded. The finding of the study shows that the mosque institution in Perak has a considerable financial fund from the aspects of cash saving as well as the owned assets. The cash saving at the bank dated in November 2011 was amounted at RM7.8 millions, while the land asset was totaled up more than 1,000 acres. The finding also finds that a total of 240 acres of land in all over Perak owned by the mosque institution was not managed for activities that can value add to the income of the mosque. This situation indirectly indicates that the mosque institution should be more active and progressive in giving greater spillover impact to Muslim society and contributing to the development of Perak state generally.*

*Keywords: Mosque Institution, Mosque Fund, State of Perak*

### **PENGENALAN**

Masjid merupakan sebuah institusi yang penting kepada umat Islam. Ia merupakan institusi yang menyatukan manusia dari segi fizikal dan rohani manusia untuk melaksanakan amanah sebagai khalifah Allah. Catatan dalam sejarah Islam silam telah membuktikan bahawa menerusi institusi

masjid, kemajuan dan pembangunan ummah dicapai dalam pelbagai aspek kehidupan. Pada zaman Rasulullah SAW, peranan masjid tidak terhad kepada pusat ibadat semata-mata. Sebaliknya, ia memainkan peranan yang luas dan mencakupi aspek pentadbiran negara, ekonomi, sosial, keselamatan, pendidikan, perluasan agama dan sebagainya (Shaikh Ali Mohamad, 2003). Keadaan ini telah menjadikan institusi masjid sebagai pusat rujukan atau pusat setempat kepada ummah.

Walau bagaimanapun, peredaran masa serta zaman pada masa kini telah menyebabkan fungsi masjid ini sedikit demi sedikit terhakis. Institusi-institusi tertentu telah diwujudkan bagi mengambil alih fungsi-fungsi masjid dengan tujuan meningkatkan kecekapan dan penambahbaikan dalam pengurusan organisasi. Keadaan ini menimbulkan satu senario yang menyamai “status quo” bagi setiap institusi masjid. Dengan lain pengertian, pada masa kini peranan dan persepsi terhadap masjid adalah hanya sebagai pusat keagamaan sahaja. Tanggapan sebegini telah memberikan satu cabaran besar kepada pengurusan institusi masjid bagi membuktikan kewujudan institusi ini adalah signifikan kepada ummah. Langkah untuk menganjukkan peranan institusi masjid kini amat perlu untuk disegerakan bagi memastikan fungsi institusi masjid selari dengan perubahan atau perkembangan ekonomi, politik, sosial dan sebagainya. Justeru, kajian ini cuba meneroka senario pengurusan institusi-institusi masjid di negeri Perak dengan memfokuskan kepada aspek pengurusan dan pentadbiran dana masjid.

### PENGURUSAN MASJID DI NEGERI PERAK

Pengurusan merupakan aspek yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan manusia. Secara umum, pengurusan boleh ditakrifkan sebagai satu proses memperoleh dan menggembelngkan sumber input organisasi daripada sumber kewangan, manusia dan lain-lain lagi dengan cara yang cekap dan berkesan untuk mencapai objektif sesebuah organisasi (Ab. Mumin, 2006). Ahmad Atory (2002) pula berpendapat pengurusan merujuk kepada satu set kegiatan yang direkabentuk untuk meninggikan serta mengarahkan kerja dan tugas yang ditentukan.

Di Negeri Perak, pengurusan sesebuah masjid dikendalikan melalui integrasi dua pasukan. Integrasi pasukan yang menguruskan masjid ini dapat dijelaskan melalui jadual 1. Objektif bahagian pengurusan masjid ini adalah untuk mengembalikan fungsi dan peranan Masjid sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak, menjadikan masjid sebagai pusat kegiatan umat Islam, pusat penyebaran ilmu dan maklumat dan pemangkin kepada kemajuan umat Islam di dunia dan di akhirat serta cuba merealisasikan umat Islam sebagai umat yang terbaik.

Pengurusan sesebuah masjid dipertanggungjawabkan kepada ahli-ahli jawatankuasa yang dilantik. Kaedah perlantikan ahli jawatankuasa masjid agak berbeza antara negeri-negeri di Malaysia (Hairunnizam *et al.*, 2009). Di negeri Perak, kaedah perlantikan Jawatankuasa Kariah dilantik oleh Majlis Agama Islam Perak berdasarkan Seksyen 93 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004 dan Kaedah 3, 4 dan 5. Melalui Kaedah-kaedah Jawatankuasa Kariah 1998 dan Borang JK1, Pegawai Tadbir Agama dan Penghulu setelah berunding dengan Orang Besar Jajahan yang kemudiannya mencadangkan kepada Majlis melalui Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam untuk perlantikan Jawatankuasa Kariah.

JADUAL 1: Kumpulan Pengurusan Masjid

Pasukan	Nama	Fungsi	Bilangan Anggota	Kaedah Pelantikan
Pertama	Ahli Jawatan Kuasa Masjid	Merancang dan mengelolakan semua aktiviti masjid	10-16 orang	a) Penamaan melalui mesyuarat agung kariah, dan senarai diserahkan untuk pengesahan oleh pihak Majlis Agama. b) Melalui lantikan oleh pihak Majlis Agama.
Kedua	Pegawai-Pegawai Masjid	Menjalankan tugas yang ditetapkan dan tidak terlibat dalam pelaksanaan dan perancangan aktiviti masjid.	Imam, Khatib, Bilal dan Siak	Dilantik oleh pihak Majlis Agama dan menerima elaun.

Sumber: Buku Panduan Tugas Jawatankuasa Kariah dan Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Perak Darul Ridzuan.


Tempoh perantikan seseorang Ahli Jawatankuasa Kariah hendaklah bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun dan tidak dibenarkan menganggotai dua (2) jawatankuasa kariah yang berlainan kecuali mendapat kelulusan Majlis. Kaedah pelantikan ini termaktub dalam Buku Panduan Tugas Jawatankuasa Kariah dan Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Perak Darul Ridzuan. Masjid juga dibahagikan kepada enam (6) kategori untuk tujuan memudahkan pemfokusan operasi serta peranan yang lebih terarah iaitu Masjid Negara, Masjid Negeri, Masjid Jamek Daerah, Masjid Institusi, Masjid Kariah dan Surau Diri Jumaat dan Surau.

Selain dari mentadbir masjid, ahli jawatankuasa masjid yang dilantik bertanggungjawab untuk menguruskan harta dan dana masjid. Jawatankuasa ini juga diberi kuasa oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri untuk mengadakan kutipan wang khairat, menyelenggara masjid, menguruskan tanah wakaf, perkuburan dan harta milik khas masjid dengan kebenaran pihak Majlis. Pemberian kuasa ini jelas dinyatakan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam atau Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak yang diwartakan oleh setiap negeri. Namun begitu, kebanyakan masjid tidak memberi elaun kepada ahli jawatankuasa ini. Rajah 1. menunjukkan struktur organisasi Ahli Jawatankuasa Kariah.

Secara umum terdapat dua sumber dana yang diterima oleh masjid iaitu; pertama, peruntukan dari kerajaan negeri dan kedua, sumbangan orang ramai (Maliah, 2007). Dana yang diterima dari kerajaan negeri adalah bertujuan untuk penyelenggaraan masjid dan juga mengendalikan aktiviti-aktiviti keagamaan masjid. Manakala sumbangan orang ramai adalah untuk membiayai aktiviti-aktiviti sosial yang tidak dibiayai oleh kerajaan negeri. Disebabkan dana-dana tersebut diperoleh dari dua sumber yang berbeza, maka prosedur pengurusan setiap dana tersebut juga berbeza. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bertanggungjawab mengurus dana yang diperuntukkan oleh kerajaan negeri, manakala ahli jawatankuasa masjid bertanggungjawab mengurus sumbangan orang ramai. Namun begitu, seperti yang dicadangkan oleh Maliah (2007) dengan dana yang terhad yang diterima oleh masjid, adalah sukar untuk membentuk pembahagian kerja dan sistem kawalan dalaman di organisasi terbabit. Justeru itu, masalah penyelewengan pengurusan dana mungkin akan wujud.

Selain itu, masjid berhak mendapat peruntukan dari pihak MAIN dan juga tiada halangan untuk mencipta dana daripada aktiviti-aktiviti yang dirancang. Di samping itu, terdapat juga sebilangan masjid yang memperoleh dana melalui sumbangan dan wang zakat dari badan-badan korporat. Keadaan ini menjadikan institusi masjid mempunyai jumlah dana yang banyak terutama masjid-masjid yang terletak di kawasan bandar. Isunya, adakah dana yang banyak itu digunakan secara optimal dan seterusnya limpahan daripada wang/sumbangan tersebut dapat diperluaskan bukan sahaja untuk tujuan masjid semata-mata, bahkan juga untuk pembangunan ekonomi kariah secara mikro dan keseluruhan ekonomi negara secara makronya.

RAJAH 1: Struktur Organisasi Ahli Jawatankuasa Kariah



Sumber: Buku Panduan Tugas Jawatankuasa Kariah dan Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Perak Darul Ridzuan

## KAJIAN LITERATUR

Masjid dari segi bahasa bermaksud tempat sujud. Perkataan masjid berasal dari perkataan Arab *sajada*, *yasjudu*, *sajdan* atau *sujudan*. Sujud dalam pengertiannya bererti patuh dan menghina diri dengan meletakkan dahi ke bumi sebagai tanda pengabdian diri kepada Allah SWT. (Al-Kamus Al-Muhit, 1987). Menurut Mohd Noor Azli *et al.* (2008), masjid merupakan institusi yang mempunyai kedudukan yang amat tinggi dalam jiwa umat Islam. Abdullah (1997) pula berpendapat masjid dan surau merupakan pusat perhimpunan yang menyatupadukan umat Islam sama ada untuk mengerjakan ibadah dengan jemaah atau untuk menampung ilmu dan menerima nasihat pengajaran demi kebaikan dan keselamatan mereka di dunia dan di akhirat. Seperti yang tercatat dalam lembaran sejarah, Nabi Muhammad SAW telah mengurus dan menjadikan masjid sebagai pusat kegiatan umat Islam dalam pelbagai cabang kehidupan sama ada sebagai pusat ibadah, pusat pendidikan, pusat kegiatan sosial, pusat pembangunan masyarakat, pusat penerangan dan maklumat, pusat kehakiman, pusat perhubungan, pusat interaksi masyarakat, pusat rawatan dan kecemasan, pusat pemulihan dan pusat seni (Mohd Salleh, 2009).

Dalam sistem pengurusan Islam, masjid adalah institusi wakaf, sama ada yang disediakan oleh kerajaan atau diserahkan secara ikhlas oleh individu kepada individu tertentu atau kepada institusi kerajaan untuk diurus dan ditadbir (Hasan, 2008). Justeru itu, institusi masjid mesti ditadbir dan diurus dengan berkesan atas roh keikhlasan dan amanah daripada Allah SWT. Semasa zaman kegemilangan Islam, institusi masjid berperanan sebagai pusat pentadbiran kerajaan Islam dalam pelbagai aspek. Namun pada masa kini, kepelbagaian peranan masjid telah diambil-alih oleh institusi, kementerian, lembaga, pusat dan sebagainya yang diwujudkan oleh pihak kerajaan (Fidlizan dan Mohd Yahya, 2009). Akhirnya, institusi masjid hanya dilihat tidak lebih sebagai pusat ibadah dan aktiviti-aktiviti keagamaan. Bagi mengembalikan keyakinan orang ramai serta kegemilangan institusi masjid seperti zaman Nabi Muhammad SAW dahulu, maka peranannya sebagai pemangkin kepada sosio-ekonomi ummah perlu diketengahkan.

Selain itu, menurut Ajmain @ Jimaain (2008), bagi mengurus masjid secara berkesan, pengurusan masjid perlu sentiasa peka kepada perkembangan semasa untuk memastikan aktiviti dan program yang dilaksanakan berjalan dengan lancar, misalnya penekanan kepada konsep 6P dalam pengurusan iaitu perancangan, pelaksanaan, pemantauan, pengawalan, penilaian dan pembedahan. Apa yang penting, pengurusan yang baik perlulah diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan dan tindakan agar masjid itu dapat berfungsi sepenuhnya seperti mana yang disarankan oleh Rasulullah SAW. Menurut Ahmad Puhad dan Siti Roddiah (2010) dalam kajiannya mendapati masjid yang cemerlang perlu dirancang, dipimpin, diurus dan ditadbir dengan baik serta berlandaskan ketentuan syarak. Namun begitu, menurut Ahmad Nawawi *et al.* (2008) rata-rata pengurusan masjid masih berada pada tahap lama dan tidak produktif walaupun perubahan organisasi semakin pesat melalui *International Organization for Standardization* (ISO), Manual Prosedur Kualiti (MPK), Kualiti Manual Kerja (KMK) dan lain-lain.

Dari aspek kewangan pula, masjid dilihat berperanan sebagai satu institusi yang berpotensi dalam menangani krisis ekonomi. Menurut Fidlizan dan Mohd Yahya (2009), peranan masjid dalam sosio-ekonomi ini diketengahkan memandangkan institusi masjid mempunyai dana yang agak besar terutamanya masjid-masjid yang berada di kawasan bandar dan pekan serta yang mempunyai kepadatan penduduk dan pendapatan yang tinggi. Bagi mencapai objektif tersebut, pengurusan kewangan masjid perlulah mengikut peraturan yang digariskan oleh Islam dan menepati kehendak syarak.

Kajian Jaafar *et al.* (2001) pula menemui bukti yang lebih mengejutkan. Menurutnya, kebanyakan masjid-masjid di Malaysia menyimpan beku dana yang disumbangkan oleh masyarakat awam. Sumbangan kewangan ini tidak disalurkan kepada aktiviti-aktiviti yang mampu memberikan pulangan atau hasil yang lebih menguntungkan kepada masjid dan ahli kariah setempat. Dengan lain pengertian, masjid dikatakan cenderung menyimpan sumbangan dana yang diterimanya ke dalam bank dan institusi-institusi kewangan untuk memperolehi pulangan minimal.

Di samping itu, Salawati (2009) menyarankan agar pihak berkuasa tempatan (PBT) seharusnya berkerjasama dengan pihak MAIN dalam membina masjid-masjid di kawasan penempatan baharu. Ini kerana melalui lokasi Masjid yang strategik, ianya akan menjadikan masjid sebagai pusat ekonomi setempat dalam memenuhi keperluan masyarakat. Ianya boleh direalisasikan dengan pihak masjid membina kiosk, pusat cuci kereta dan sebagainya jika lokasi masjid yang dibina berada di kawasan strategik dan mempunyai keluasan tanah yang sesuai. Dengan kedudukan masjid yang strategik ini, maka masyarakat setempat hanya perlu ke masjid untuk membeli barang keperluan harian dan seterusnya mampu mengimarahkan masjid itu sendiri.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan cara mengedarkan borang soal selidik kepada 617 buah masjid (populasi) di negeri Perak. Ringkasan borang soal selidik yang telah diedarkan adalah seperti dalam jadual 2. Data kajian yang diperolehi akan dianalisis menggunakan perisian excel 2007.

JADUAL 2: Jumlah Borang Yang Diedarkan Dalam Kajian Mengikut Daerah Pentadbiran MAIP

Bil.	Daerah	Jumlah Masjid	Bilangan Borang yang Diedarkan
1.	Bagan Serai	35	35
2.	Gerik dan Pengkalan Hulu	35	35
3.	Kuala Kangsar	75	73
4.	Parit Buntar	29	29
5.	Lenggong	15	15
6.	Manjung	68	68
7.	Ipoh	65	65
8.	Selama	19	19
9.	Teluk Intan	78	78
10.	Batu Gajah	12	12
11.	Seri Iskandar	38	38
12.	Taiping	57	57
13.	Slim River	15	15
14.	Kampung Gajah	32	32
15.	Tapah	28	28
16.	Kampar	18	18
	<b>Jumlah</b>	<b>619</b>	<b>617</b>

*Sumber:* Diperoleh daripada mesyuarat bersama penyelarar-penyelarar masjid di Majlis Agama Islam Perak pada 25 November 2011.

Soal selidik yang telah digunakan oleh pengkaji adalah berbentuk tertutup di mana responden dikehendaki memilih jawapan yang bersesuaian dengan kehendak mereka. Dalam kajian ini, satu set soal selidik telah disediakan bagi mengkaji profil pendapatan dan perbelanjaan masjid bagi seluruh daerah di negeri Perak. Set soalan ini diedarkan untuk diisi oleh salah seorang ahli jawatankuasa masjid di seluruh negeri Perak yang mengandungi lima bahagian iaitu:

- i. Bahagian A: Maklumat Asas Masjid
- ii. Bahagian B: Maklumat Ahli Jawatankuasa Masjid
- iii. Bahagian C: Maklumat Pendapatan, Perbelanjaan dan Aset Masjid
- iv. Bahagian D: Masalah Pentadbiran dan Pengurusan Kewangan Masjid dan
- v. Bahagian E: Cadangan

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua (2) bahagian yang terdiri daripada analisis deskriptif yang menerangkan bilangan masjid yang terlibat dalam penyelidikan mengikut daerah serta pecahan masjid mengikut kategori tahap pendapatan. Pada bahagian kedua pula adalah berfokus kepada perbincangan berkaitan kewangan dana masjid. Ia meliputi topik pendapatan, perbelanjaan, wang tunai di bank dan juga aset-aset lain.

### Analisis Deskriptif Institusi Masjid Di Negeri Perak

Dalam penyelidikan ini, sebanyak 331 buah masjid telah memberikan respon terhadap borang soal selidik yang telah diedarkan mengikut penyelarar agama bagi setiap daerah. Bilangan borang soal selidik yang diedarkan dan diperolehi kembali sehingga tarikh kutipan terakhir pada 31 Disember 2011 mengikut daerah dapat ditunjukkan dalam Jadual 3.

JADUAL 3.: Bilangan Institusi Masjid yang Terlibat dalam Penyelidikan

Bil.	Daerah	Jumlah Masjid	Jumlah Penyertaan	Peratus (%)
1.	Tapah	28	26	93
2.	Parit Buntar	29	15	52
3.	Taiping	57	31	54
4.	Lenggong	15	14	93
5.	Seri Iskandar	38	27	71
6.	Kg.Gajah	32	26	81
7.	Hilir Perak	78	64	82
8.	Kampar	18	18	100
9.	Batu Gajah	12	10	83
10.	Slim River	15	14	93
11.	Gerik & Pengkalan Hulu	35	12	34
12.	Selama	19	15	79
13.	Kuala Kangsar	73	37	49
14.	Bagan Serai	35	16	46
15.	Manjung	68	2	3
16.	Ipoh	65	4	6
	<b>JUMLAH</b>	<b>617</b>	<b>331</b>	<b>53</b>

**Nota:** Bilangan institusi masjid ini adalah berdasarkan kutipan borang soal selidik dari penyelaras agama daerah sehingga 31 Disember 2011.

Berdasarkan Jadual 3, sebanyak 617 borang soal selidik yang berkaitan profil pengurusan dan kewangan masjid telah diedarkan dalam tempoh dua bulan. Kerjasama yang baik ditunjukkan oleh kebanyakan institusi masjid-masjid di negeri Perak. Daerah Kampar, Slim River, Tapah, Lenggong, Batu Gajah, Hilir Perak, Kampung Gajah, Selama, Seri Iskandar dan Bagan Serai merupakan 10 daerah yang mencatatkan maklum balas yang baik iaitu antara 60 peratus hingga 100 peratus. Manakala daerah Taiping, Parit Buntar, Kuala Kangsar, Gerik dan Pengkalan Hulu pula menunjukkan penglibatan yang memuaskan iaitu antara 30 peratus hingga 59 peratus. Dua daerah lagi iaitu Ipoh dan Manjung pula mencatatkan penglibatan yang kurang aktif dalam penyelidikan ini dengan kadar di bawah 10 peratus. Namun begitu, secara keseluruhannya pula, nisbah penglibatan masjid-masjid dalam kajian ini adalah memuaskan dengan mencatatkan 53 peratus penyertaan dan maklum balas. Oleh itu, bahagian seterusnya adalah terhad kepada jumlah bilangan masjid yang memberikan maklum balas sebagaimana dikehendaki di dalam borang soal selidik yang telah diedarkan.

#### **Institusi Masjid Mengikut Tahap Pendapatan Tahunan**

Pengkelasan masjid-masjid di negeri Perak mengikut pendapatan tahunan adalah berdasarkan jumlah penyata pendapatan pada tahun 2011 sebagaimana telah dilaporkan dalam borang soal selidik. Lapan pecahan pendapatan digunakan bagi mengklasifikasikan tahap kewangan institusi masjid ini. Jadual 5.8 menunjukkan klasifikasi ini berdasarkan daerah.

Berdasarkan Jadual 4, didapati bahawa 150 buah (50.2 peratus) institusi masjid di Perak yang dikaji memperolehi pendapatan tahunan (kutipan jumaat, tabung, sumbangan dan lain-lain) antara RM10,000 hingga RM49,000. Manakala, 41 buah (13.7 peratus) masjid memperolehi pendapatan tahunan antara RM50,000 hingga RM 99,999. Sebanyak 14 buah (4.7 peratus) buah masjid pula memperolehi pendapatan melebihi RM100,000 dengan sebuah masjid mencatatkan pendapatan masing-masing antara RM200,000 hingga RM400,000 dan melebihi RM500,000 setahun. Perolehan yang tinggi terutamanya bagi dua masjid yang mencatatkan kutipan pendapatan tahunan melebihi RM200,000 berkemungkinan dipengaruhi oleh faktor lokasi yang berada di tempat strategik dari segi kepadatan penduduk, tumpuan perniagaan, pendidikan atau pusat pentadbiran.

Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan institusi masjid yang memperolehi pendapatan tahunan di bawah RM10,000. Dalam lingkungan pendapatan ini, sebanyak 12 buah (4 peratus) masjid memperolehi pendapatan kurang daripada RM2,000, 29 buah (9.7 peratus) masjid dengan pendapatan

antara RM2,000 hingga RM4,999 dan 53 buah (17.7 peratus) masjid pula dengan pendapatan antara RM5,000 hingga RM9,999. Pemerhatian secara terperinci mendapati, terdapat lima (5) buah masjid memperoleh pendapatan tahunan kurang daripada RM1,000 dengan kutipan terkecil ialah RM320 setahun.

Oleh itu, secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa 70peratus bilangan institusi masjid di negeri Perak memperoleh pendapatan tahunan yang baik iaitu melebihi RM10,000 setahun. Senario pendapatan ini menunjukkan bahawa institusi masjid merupakan institusi yang dipercayai oleh masyarakat bagi tujuan pembangunan ummah. Dengan itu, masjid mempunyai peranan yang besar dalam menanggung amanah yang diberikan oleh masyarakat berdasarkan sumbangan ikhlas yang diberikan dari masa ke semasa.

Jadual 4: Klasifikasi Pendapatan Tahunan Institusi Masjid Mengikut Daerah

Daerah	Pendapatan Tahunan (RM)								Jumlah
	0-1999	2000-4999	5000-9999	10000-49999	50000-99999	100000-199999	200000-499999	>500000	
Bagan Serai	0	0	2	11	3	0	1	0	17
Kuala Kangsar	2	3	12	12	6	0	0	0	35
Gerik	1	1	2	2	0	0	0	0	6
Manjung	0	0	0	0	1	1	0	0	2
Parit Buntar	0	0	4	6	1	2	0	0	13
Lenggong	1	1	3	7	1	0	0	0	13
Pengkalan Hulu	0	0	0	1	0	0	0	0	1
Ipoh	0	0	0	1	1	1	0	1	4
Kampar	2	4	3	7	2	0	0	0	18
Selama	0	3	1	6	2	0	0	0	12
Teluk Intan	2	4	7	35	7	4	0	0	59
Batu Gajah	0	0	1	7	2	0	0	0	10
Seri Iskandar	1	2	3	11	5	0	0	0	22
Taiping	1	2	5	11	6	3	0	0	28
Slim River	1	1	0	9	1	0	0	0	12
Kampung Gajah	0	8	7	7	2	0	0	0	24
Tapah	1	0	3	17	1	1	0	0	23
<b>JUMLAH</b>	12	29	53	150	41	12	1	1	<b>299</b>
<b>Peratus</b>	4.01	9.70	17.73	50.17	13.71	4.01	0.33	0.33	

**Nota:** Terdapat 32 buah masjid tidak dapat dikenalpasti klasifikasi kerana tidak memberikan maklumat penyata pendapatan pada tahun 2011.

### Pendapatan Dan Perbelanjaan Tahunan Institusi Masjid

Pendapatan dan perbelanjaan tahunan bagi institusi masjid di Perak bagi tahun dikaji ditunjukkan dalam Jadual 5 di bawah.

JADUAL 5: Jumlah Pendapatan dan Perbelanjaan Tahunan Institusi Masjid di Perak dari tahun 2009 hingga 2011

Tahun	Pendapatan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki (RM)	Bilangan Masjid*
2009	6,876,111.79	4,579,982.26	2,296,129.53	266
2010	9,353,701.65	6,977,238.00	2,376,463.65	300
2011**	9,353,806.20	6,895,171.00	2,458,635.20	310
<b>JUMLAH</b>	<b>25,583,619.64</b>	<b>18,452,391.26</b>	<b>7,131,228.38</b>	

**Nota:** \* Tertakluk kepada institusi masjid yang melengkapkan laporan kewangan dalam borang soal selidik yang diedarkan.

\*\* Sehingga bulan Disember 2011.

Berdasarkan Jadual 5, didapati bahawa jumlah kutipan tahunan masjid-masjid di negeri Perak mencatatkan jumlah yang tinggi. Pada tahun 2009, pendapatan yang diperolehi daripada pelbagai sumber mencatatkan jumlah sebanyak RM6.9 juta. Jumlah ini meningkat kepada RM9.4 juta pada tahun 2010 dengan peningkatan lebih kurang 36 peratus. Sehingga bulan November 2011 pula, perolehan pendapatan ini meningkat pada kadar yang perlahan. Secara keseluruhannya pula, jumlah kutipan bagi tiga tahun ini adalah sebanyak RM25.6 juta.

Secara pecahan mengikut kategori punca pendapatan kepada institusi masjid pula dapat ditunjukkan menerusi Jadual 6, didapati bahawa punca hasil pendapatan kepada institusi masjid diperolehi daripada kutipan Jumaat. Perolehan menerusi cara ini mencatatkan nilai yang semakin bertambah dari masa ke semasa iaitu RM3 juta pada tahun 2009 kepada RM4 juta pada tahun 2011. Hasil tanah pula merupakan penyumbang pendapatan kedua terbanyak kepada masjid kini dengan sumbangan sebanyak RM1.4 juta pada tahun 2011. Ia menunjukkan peningkatan dari tahun-tahun sebelumnya dengan peningkatan hasil yang agak membanggakan. Lain-lain punca yang terbanyak juga diperolehi daripada kutipan tabung, sumbangan (individu, firma, korporat) beserta sumbangan daripada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Punca perolehan terkecil pula adalah daripada sewaan bilik-bilik dan juga bangunan masjid. Dari tahun 2009 hingga tahun 2011, jumlah kutipannya adalah antara RM30,000 hingga RM55,000. Namun begitu, diperhatikan bahawa peningkatan yang ketara ditunjukkan dari tahun 2010 kepada tahun 2011 dengan jumlah hasil bertambah menghampiri RM20,000 berbanding tahun sebelumnya.

JADUAL 6: Punca Pendapatan Institusi Masjid

Punca Hasil	Tahun (RM)		
	2009	2010	2011
Kutipan Jumaat	3,037,243.68	3,989,191.92	4,017,252.95
Kutipan Tabung	591,270.46	721,544.96	821,688.78
Sumbangan	311,193.69	577,685.74	588,811.31
Majlis Agama Islam Negeri	496,359.22	933,229.27	934,266.48
Sewaan Bangunan	258,876.95	278,321.16	316,437.60
Hasil Tanah	760,557.57	1,084,171.67	1,347,349.94
Sewaan Alatan Masjid	49,235.50	35,609.50	30,698.30
Sewaan Bilik-bilik	34,719.05	35,623.32	53,085.56
Lain-lain	581,891.93	806,575.05	957,571.79

Dari segi perbelanjaan pula, sebanyak RM18.5 juta telah dibelanjakan bagi pelbagai tujuan dalam tempoh tiga tahun ini. Dalam tempoh dua tahun semasa iaitu tahun 2010 dan 2011, didapati



jumlah perbelanjaan bagi lebih kurang 300 buah masjid ialah RM7 juta setahun. Pengiraan secara purata pula (tanpa mengambil kira jenis kategori masjid) adalah sebanyak RM23,000 sebuah setahun. Secara terperinci bagi setiap perbelanjaan utama pula ditunjukkan dalam Jadual 7.

JADUAL 7: Jenis Perbelanjaan Institusi Masjid

Jenis Perbelanjaan	Tahun (RM)		
	2009	2010	2011
Bayaran Utiliti	875,639.78	1,039,665.66	1,007,613.66
Penyelenggaraan Masjid	1,052,274.02	1,611,681.00	1,628,061.18
Aktiviti Kerohanian	993,386.32	1,195,659.95	1,394,860.27
Upah Bilal dan Siak	1,068,353.27	1,552,255.75	1,565,994.20
Tanah Perkuburan	145,232.40	202,508.36	213,662.65
Lain-lain	570,812.25	908,106.73	966,143.17

Berdasarkan Jadual 7, dikenal pasti empat jenis perbelanjaan besar ditanggung oleh institusi masjid di negeri Perak. Ia adalah bayaran terhadap utiliti dengan jumlah tahunan keseluruhan bagi 300 buah masjid ialah RM1 juta, penyelenggaraan masjid sebanyak RM1.6 juta, aktiviti kerohanian sebanyak RM1.4 juta dan upah kepada siak dan bilal sebanyak RM1.6 juta. Perbelanjaan untuk tanah perkuburan pula adalah kecil iaitu lebih kurang RM200,000 setahun. Secara perbandingan, perbelanjaan institusi masjid untuk penyelenggaraan tanah perkuburan bersamaan tiga (3) peratus sahaja daripada perbelanjaan tahunan keseluruhan. Keadaan ini boleh menimbulkan pertanyaan berkaitan pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan tanah perkuburan melibatkan pelbagai isu. Antaranya ialah kekerapan penyelenggaraan tanah perkuburan, fungsi jawatankuasa kebajikan masjid yang dilantik, upah dan sebagainya.

Hasil daripada penelitian terhadap jumlah pendapatan dan perbelanjaan ini, didapati bahawa institusi masjid di negeri Perak mempunyai lebih pendapatan yang agak besar iaitu melebihi RM2.3 juta setahun. Jumlah lebihan bagi tiga tahun yang dianalisis mendapati bahawa jumlah keseluruhan adalah RM7.1 juta.

Berdasarkan kepada analisis pada Jadual 6 yang diperolehi daripada lebih kurang 300 buah masjid, satu perkiraan andaian pendapatan, perbelanjaan dan baki dapat dilakukan terhadap keseluruhan institusi masjid di negeri Perak. Dengan nisbah keseluruhan masjid di negeri Perak dibandingkan dengan bilangan masjid yang terlibat secara langsung dengan kajian ini adalah dua (2) kali ganda, maka hasil pengiraan secara andaian ditunjukkan sebagaimana dalam Jadual 8.

JADUAL 8: Pengiraan Anggaran Pendapatan, Perbelanjaan dan Baki Penyata Kewangan Masjid di Negeri Perak

Pengiraan Sebenar Pendapatan, Perbelanjaan dan Baki Institusi Masjid di Negeri Perak				
Tahun	Pendapatan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki (RM)	Jumlah Masjid
2009	6,876,111.79	4,579,982.26	2,296,129.53	266
2010	9,353,701.65	6,977,238.00	2,376,463.65	300
2011	9,353,806.20	6,895,171.00	2,458,635.20	310
<b>JUMLAH</b>	<b>25,583,619.64</b>	<b>18,452,391.26</b>	<b>7,131,228.38</b>	

Pengiraan Anggaran Pendapatan, Perbelanjaan dan Baki Institusi Masjid di Negeri Perak Berdasarkan 600 buah Masjid				
Tahun	Pendapatan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki (RM)	Jumlah Masjid
2009	15,510,026.59	10,330,787.05	5,179,239.54	600
2010	18,707,403.30	13,954,476.00	4,752,927.30	600
2011	18,104,141.03	13,345,492.26	4,758,648.77	600
<b>JUMLAH</b>	<b>52,321,570.92</b>	<b>37,630,755.31</b>	<b>14,690,815.61</b>	

Berdasarkan Jadual 8 yang dibentuk berdasarkan nisbah institusi masjid yang memberikan maklum balas terhadap kajian, dapat diteliti bahawa pendapatan masjid-masjid di seluruh negeri Perak

secara purata adalah melebihi RM17 juta setahun dengan perbelanjaan dan baki purata adalah RM12.5 juta dan RM4.9 juta setahun. Berasaskan pengiraan ini, diandaikan bahawa baki pendapatan semasa yang disimpan oleh institusi masjid di seluruh negeri Perak adalah RM14.7 juta setahun.

Oleh itu, berdasarkan pengiraan ini, ia jelas menunjukkan bahawa institusi masjid secara keseluruhannya mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Senario ini juga menggambarkan bahawa, institusi masjid mempunyai keupayaan untuk melaksanakan pelbagai aktiviti yang dapat memberikan limpahan yang lebih besar kepada masyarakat Islam di negeri Perak dan negara Malaysia amnya.

### Simpanan Tunai Masjid Di Institusi Perbankan

Hasil kajian terhadap simpanan tunai oleh masjid-masjid di pelbagai institusi perbankan mendapati bahawa, jumlah simpanan tunai semasa (sehingga November 2011) bagi 241 buah masjid yang melaporkannya adalah sebanyak RM7,837,024. Berasaskan jumlah ini, ia seolah-olah menyokong perkiraan secara andaian yang telah dijelaskan dalam Jadual 8 sebelumnya. Ini dapat dibuktikan bila mana simpanan tunai ini jika mengambil kira keseluruhan institusi masjid di negeri Perak iaitu sebanyak 600 buah masjid, simpanan tunai terkumpul untuk tahun 2011 adalah sebanyak RM19,511,263.07. Keadaan ini terbukti menunjukkan bahawa institusi masjid mempunyai kemampuan kewangan yang besar dalam merencanakan aktiviti secara individu, bahkan berkemungkinan juga dapat dilaksanakan secara berkumpulan.

### Aset Dan Status Perusahaan

Beberapa jenis aset utama masjid diteliti dalam kajian ini. Aset-aset tersebut ialah tanah, bangunan atau kediaman, kenderaan dan juga saham. Jadual 9 menunjukkan jenis aset dan status perusahaan semasa di mana institusi masjid di seluruh negeri Perak mempunyai pelbagai jenis aset. Sebanyak 156 buah masjid mempunyai aset dalam bentuk tanah yang mempunyai keluasan yang pelbagai. Keluasan terkecil dimiliki ialah 0.5 ekar, manakala keluasan terbesar pula adalah 36 ekar. Jumlah keseluruhan tanah yang dimiliki ialah 1,032 ekar. Dari segi penjanaan pendapatan kepada masjid melalui perusahaan, didapati 96 buah masjid mengusahakan keseluruhan tanah yang dimiliki, manakala 36 buah masjid mengusahakan sebahagian daripada 134 ekar. Penemuan analisis juga menunjukkan bahawa 21 buah masjid yang memiliki tanah dengan keluasan keseluruhan 90 ekar tidak diusahakan langsung. Maka keseluruhannya jumlah tanah yang tidak diusahakan adalah sebanyak 224 ekar. Keadaan ini menimbulkan kerugian kepada institusi masjid sekiranya tanah-tanah yang dimiliki mempunyai potensi untuk diusahakan selaras dengan konsep dan peraturan agama Islam. Atas faktor ini, jawatankuasa masjid perlu mengambil tindakan yang sewajarnya bagi membolehkan aset-aset ini diusahakan sepenuhnya.

JADUAL 9: Aset Institusi Masjid dan Status Perusahaan Terkini

<b>JENIS ASET : TANAH</b>	
Keluasan : 1031.5 ekar	Pemilikan : 156 buah masjid
Status ;	
Diusahakan Sepenuhnya:	96 buah masjid
Diusahakan Sebahagian:	36 buah masjid
Tidak diusahakan :	21 buah masjid (90 ekar)
<b>JENIS ASET : KENDERAAN</b>	
Bilangan: 230 buah	Pemilikan : 154 buah masjid
Status:	
Sewaan : 37 buah masjid	
<b>JENIS ASET : BANGUNAN / KEDIAMAN</b>	
Bilangan: 109 buah	Pemilikan : 38 buah masjid
Status:	
Sewaan: 24 buah masjid	
<b>JENIS ASET: SAHAM / KOPERASI</b>	
Nilai: RM74,132.65	Pemilikan : 8 buah masjid

Dari segi aset kenderaan pula, sebanyak 230 buah kenderaan dimiliki oleh 154 buah masjid. Bilangan kenderaan minimum yang dimiliki ialah satu buah, manakala beberapa institusi masjid memiliki antara dua (2) hingga tiga (3) buah unit kenderaan. Daripada jumlah ini, 37 buah masjid menjadikan aset ini sebagai sumber pendapatan kepada masjid. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa, masjid berupaya untuk menawarkan kemudahan perkhidmatan kepada masyarakat setempat. Di samping itu, usaha ini sedikit sebanyak akan menyediakan pendapatan tambahan kepada institusi masjid.

Bagi aset dalam bentuk bangunan atau kediaman pula, sebanyak 38 buah masjid di negeri Perak mempunyai aset sebegini. Jumlah keseluruhannya pula adalah sebanyak 109 buah, di mana 24 buah masjid yang memilikinya mengusahakannya dengan perolehan sewaan. Selain daripada aset-aset ini, sebanyak lapan (8) buah masjid di negeri Perak turut mempunyai aset dalam bentuk saham atau koperasi. Nilai semasa saham-saham ini adalah berjumlah RM74,000.

Berdasarkan kepada perbincangan kewangan dalam bahagian ini yang meliputi pendapatan, perbelanjaan, baki, simpanan tunai, aset dan status perusahaan, jelas menunjukkan bahawa institusi masjid mempunyai sumber kewangan yang agak memuaskan. Oleh itu, institusi masjid secara persendirian atau berkelompok mempunyai keupayaan untuk melaksanakan pelbagai agenda yang dapat memberikan kesan limpahan yang lebih nyata kepada masyarakat Islam setempat, pembangunan ekonomi masyarakat Islam di negeri Perak khususnya dan umat Islam di Malaysia amnya.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa dana institusi masjid secara keseluruhannya meningkat dari tahun ke tahun di mana perbezaan jumlah pendapatan dengan jumlah perbelanjaan masjid adalah melebihi RM2.2 juta untuk setiap tahun. Ini membuktikan bahawa institusi masjid sebenarnya mempunyai lebih dana yang cukup besar untuk mengembangkan ekonomi institusi itu sendiri dan juga masyarakat setempat. Di samping itu, jumlah simpanan tunai untuk 241 buah masjid di negeri Perak adalah sebanyak RM7.8 juta lebih sehingga 31 Disember 2011. Ini menggambarkan bahawa institusi masjid sebenarnya gemar menyimpan beku tunai yang dimiliki berbanding untuk mengembangkan dana masjid itu sendiri.

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat sebanyak 224 ekar tanah yang tidak diusahakan berdasarkan kepada 57 buah masjid. Oleh yang sedemikian AJK masjid seharusnya mengambil inisiatif untuk mengusahakan sepenuhnya tanah wakaf yang diberikan kepada masjid tersebut sama ada mengusahakannya sendiri ataupun berkongsi hasil dengan institusi pertanian (RISDA, FELCRA dan sebagainya) dengan menggunakan konsep *muzara'ah* atau *musaqah* ataupun disewakan kepada pengusaha pertanian tempatan. Namun begitu, tanah wakaf yang terletak di tempat yang strategik boleh digunakan untuk tujuan pembinaan hartanah (rumah kedai, rumah sewa, lot perniagaan dan sebagainya). Oleh yang sedemikian sewajarnya pihak pengurusan masjid harus mengembangkan dana masjid untuk tujuan menjana ekonomi masjid itu sendiri dan seterusnya mampu memberi limpahan kepada masyarakat setempat. Ini boleh dilakukan dengan membentuk model penjana dana masjid yang efektif dan efisien.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Aziz Hussin (1997). *Nostalgia Masjid Nabawi*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Abdullah Hashim (1984). *Kajian tentang Falsafah dan Konsep Perancangan Masjid-masjid Negeri Johor*. Disertasi Diploma, UiTM: Tidak Diterbitkan.
- Ahmad Najib Abdullah *et al.* (2009). *Isu-isu Pengurusan dan Pembangunan Masjid*, Kelantan: Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya, Nilam Puri.
- Ahmad Puhad Alim dan Siti Roddiah Abdullah (2010). *Audit Pengurusan Masjid: Kajian di Daerah Pasir Puteh, Kelantan*. Universiti Teknologi Malaysia: Tidak Diterbitkan.
- Amal Hayati Ishak dan Zakiah Samori (2009). *Menjana Ketamadunan Islam melalui Amalan Sistem Perakaunan Masjid: Satu Kajian Penerokaan di Masjid-masjid Negeri Selangor Darul Ehsan*. Laporan Penyelidikan Geran Jangka Pendek. UiTM: Tidak Diterbitkan.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusuf Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Bagby, I., Perl, P. M., and Froehle, B. T. (2001). *The Mosque in America: A National Portrait*. Washington D. C.: Council on American-Islamic Relations.

- Bahagian Hal Ehwal Islam (1995). *Membina Generasi Masjid*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Chua Yan Piaw (2006). *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Ezah Azraai Jamsari, Siri Noorasikin Tumiran, Kaseh Abu Bakar dan Zamri Arifin (2010). "Peranan dan Sumbangan Institusi Masjid dalam Pembangunan Masyarakat Melayu-Islam di Singapura: Satu Kajian di Masjid Assyafaah, Sembawang". *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 31-44.
- Fidlizan Muhammad dan Mohd Yahya Mohd Hussin (2009). Peranan Masjid Sebagai Institusi Sosio Ekonomi bagi Membantu Masyarakat Menghadapi Krisis Ekonomi. *Majalah Cahaya*, JAKIM.
- Fidlizan Muhammad, Mohd Yahya Mohd Hussin, Nurul Fadly Habidin dan Salwa Amirah Awang (2008). "Mobilasi "Wang Jumaat": Membentuk Dana Usahawan Muslim". *Prosiding Seminar Keusahawan Islam II Peringkat Kebangsaan*, 15 Oktober, 2008, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Harlina Md Sharif and Hazman Hazumi (2004). *Reconstruction of the Earliest Mosque in Malaysia Using Virtual Reality Technique*. France: French Ministry of Culture and Communication.
- Idris Ahmad, Ismail Md. Saman, Abdul Rashid Said Asghar, Yahya Ismail, Abdul Rahman Said (1998). *Satu Kajian Awal Kedudukan Masjid di Negeri Perlis*. Biro Penyelidikan dan Perundingan UiTM: Tidak Diterbitkan.
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Abd Majid dan Hairunnizam Wahid (2010), *Dana dan Harta Masjid di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik*. National Workshop on Capacity Building Towards Excellence in Econ. Research & Policy Formulation, 23-24 April 2001, Fakulti Ekonomi UKM dan UUM, h. 1-13.
- Jabatan Agama Islam Perak. *Buku Panduan Tugas Jawatankuasa Kariah dan Pegawai- pegawai Masjid Negeri Perak Darul Ridzuan*. Perak: Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Perak Darul Ridzuan.
- Kamus Dewan* (2007), Edisi Baru, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Kamis. *Masjid Wadah Kepimpinan Negara: Pengalaman Republik Singapura*. Singapura: Tidak Diterbitkan.
- Mahmod Saedon Awang Othman (1994). *Peranan dan Sumbangan Masjid pada Zaman Rasulullah SAW dan Para Sahabat*.
- Maliah Sulaiman (2007). "The Internal Control Procedures of Mosques in Malaysia". *Blumenau*, 3(2), 101-115.
- Mohamed Ali Haji Atan (t.t). *Pengurusan Masjid: Pengalaman Republik Singapura*. <http://www.static.scribd.com/docs/2ot21r5rphyxf.pdf>. 25 Disember 2011.
- Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi (1999). *Peranan Kurikulum dan Rekabentuk Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Azam Jaafar (2003). *Peranan Masjid Negeri Arau, Perlis dalam Mengubah Pemikiran Masyarakat Setempat*. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya: Tidak Diterbitkan.
- Mohd Gunawan Che Ab. Aziz (2008). *Masjid Itu Hidupku*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Mohd Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). *Rekabentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Adil Khan Afridi (2011). "Contribution of Mosques towards Building Malay Society: A Case Study on Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur". *Proceeding in International Conference on Islamic Civilization and Malay Identity 2011 (ICICMI 2011)*.
- Norrodzoh Hj. Siren dan Yusmini Md. Yusoff (2003). *Membangun Institusi Masjid*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya, Nilam Puri.
- Rohana Yusuf (2004). *Penyelidikan Sains Sosial*. Pahang: PTS Publication.
- Rohaizan Baru, Fauzilah Salleh, Jamaluddin Hashim, Wan Fajrul Hisham Wan Abdullah dan Rosmalizawati Ab Rashid (2011). "Congregation Perception towards the Roles and Responsibilities of the Mosque Imams in Terengganu Malaysia". *Asian Social Science*, 7(12), 1911-2025.
- Ruqaiyyah Waris Maqsood (2005). *The Role of the Mosque in Britain*. London: The Muslim Parliament of Great Britain.
- Shaharom TM Sulaiman (1997). *Pengurusan Islam dan Pembangunan Manusia*. Batu Caves, Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Shaikh Ali Mohamad Mokhtar (2003). *Peranan Masjid dalam Islam*. Kuala Lumpur: YADIM.

Sidi Gazalba (1975). *Masjid Pusat Ibadat dan Pusat Kebudayaan Islam*. Jakarta: Pustaka Antara Sdn. Bhd.

Syahnaz Sulaiman (2008). Hukum Pembangunan Tanah Wakaf Khas Menurut Perspektif Syarak, *Jurnal Muamalat*, 1, 45-64.

*Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran 30 Juzuk* (2000). Abdullah Bin Muhammad Basmeih (terjemahan). Kuala Lumpur: Darul Fikh.